

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]

SOALAN NO. 392

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengatasi atau menangani masalah kekurangan pekerja asing di sekitar industri makanan terutamanya di restoran-restoran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kerajaan mengenai penggajian pekerja ialah memberi keutamaan pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing khususnya pekerja asing kurang mahir.

2. Pada masa ini, Kerajaan membenarkan pihak majikan untuk mengajikan pekerja asing dalam sub sektor restoran bagi jawatan tukang masak. Kerajaan juga melalui Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing pada 28 Februari 2019 telah bersetuju untuk mewujudkan 3 jawatan bagi sub sektor restoran iaitu tukang masak, pembantu dapur dan pelayan restoran untuk penggajian pekerja asing bagi membantu perjalanan operasi industri ini.

3. Namun begitu, Kerajaan menegaskan bahawa penggajian pekerja asing mestilah dilihat sebagai satu langkah jangka pendek di mana kebergantungan terhadap mereka mestilah dikurangkan secara progresif. Setiap pengusaha restoran mestilah memiliki plan penggantian atau *exit strategy* jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang seperti mengajikan pencari kerja tempatan melalui penawaran pakej gaji, insentif kewangan dan faedah-faedah pekerjaan yang menarik atau melaksanakan kaedah perkhidmatan layan diri (*self-service*) di restoran.